



Jabatan Pendaftar

REGISTRAR'S OFFICE

Universiti Utara Malaysia

PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 10/2019

- ARAHAN PEMILIHAN QATAR AIRWAYS MELALUI UNIUTAMA TRAVEL & TOURS SDN BHD (UTTSB) BAGI PENERBANGAN KE QATAR, EROPAH, AMERIKA, TIMUR TENGAH DAN AFRIKA



**JABATAN PENDAFTAR
REGISTRAR'S OFFICE**
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM SINTOK
KEDAH DARUL AMAN
MALAYSIA



Tel: 604-928 3101/3199
Faks (Fax): 604-928 3104
Laman Web (Web): www.pendaftar.uum.edu.my

Ruj. Kami : UUM/PEN/P-7/6
Tarikh : 31 Julai 2019

Semua Staf dan Pelajar
Universiti Utara Malaysia

Yang Berbahagia Dato'/Yang Berusaha Prof./Tuan/Puan

**PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 10/2019
- ARAHAN PEMILIHAN QATAR AIRWAYS MELALUI UNIUTAMA TRAVEL &
TOURS SDN BHD (UTTSB) BAGI PENERBANGAN KE QATAR, EROPAH,
AMERIKA, TIMUR TENGAH DAN AFRIKA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman Y. Bhg. Dato'/Y. Berusaha Prof./tuan/puan, Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Khas Bil. 2/2019 pada 4 Mac 2019 telah bersetuju dengan kerjasama di antara Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Qatar Airways. Dalam kerjasama ini, Qatar Airways telah menawarkan Insentif Perjalanan Korporat kepada staf dan pelajar UUM serta keluarga masing-masing, sama ada atas urusan rasmi atau persendirian, dengan syarat tiket penerbangan dibeli menerusi Uniutama Travel and Tours Sdn. Bhd. (UTTSB). Insentif ini adalah merupakan potongan harga tiket penerbangan sebanyak 20% bagi kelas pertama dan perniagaan serta 10% hingga 15% bagi kelas ekonomi bergantung kepada kelas dan destinasi penerbangan.

3. Ianya merangkumi perjalanan menerusi Qatar Airways bermula dari Lapangan Terbang KLIA (KUL) atau Lapangan Terbang Pulau Pinang (PEN) ke 114 destinasi seluruh dunia seperti berikut:

- (i) Enam belas (16) destinasi di Timur Tengah;
- (ii) Tujuh belas (17) destinasi di Amerika;
- (iii) Dua puluh empat (24) destinasi di Benua Afrika, dan
- (iv) Lima puluh tujuh (57) destinasi di Eropah.

4. Insentif ini memberikan keistimewaan secara langsung kepada UUM melalui penjimatan kos bagi perjalanan rasmi ke luar negara dan juga faedah tambahan kepada staf serta pelajar iaitu kos penerbangan yang lebih rendah, termasuk untuk perjalanan tidak rasmi.

Universiti Pengurusan Terkemuka
The Eminent Management University



5. Bagi memanfaatkan kejasama ini serta meningkatkan hubungan jangka panjang di antara UUM dan Qatar Airways, adalah disarankan agar perjalanan rasmi staf UUM ke luar negara dibuat menerusi penerbangan Qatar Airways tertakluk kepada perbandingan harga termurah yang perlu dibuat oleh UTTSB dengan syarikat penerbangan lain.

6. Bersama-sama ini dilampirkan Carta Aliran Pengeluaran Tiket Qatar Airways UTTSB dan Pusat Tanggungjawab UUM untuk makluman dan tindakan Y. Bhg. Dato'/Y.Berusaha Prof./tuan/puan selanjutnya. Disampaikan juga brosur Promosi Tiket Qatar Airways sebagai rujukan Y. Bhg. Dato'/Y.Berusaha Prof./tuan/puan.

7. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih dan salam hormat.

"KEDAH AMAN MAKMUR – HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH"
"ILMU BUDI BAKTI"

Saya yang menjalankan amanah







(BAHARUDIN BIN YAACOB)

Pendaftar

Universiti Utara Malaysia

s.k - Naib Canselor
- Semua Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU)
- Pengurus UTTSB

CARTA ALIRAN PENGELUARAN TIKET QATAR AIRWAYS UTTSB DAN PUSAT TANGGUNGJAWAB UUM

ALIRAN	MULA	KETERANGAN	TINDAKAN	DOKUMEN / BORANG YANG DIGUNAPAKAI
	Terima panggilan atau email dari PTJ/ staf/ pelajar untuk memohon sebutharga dari UTTSB.		Pembantu / Eksekutif operasi	Butiran tarikh bertolak dan destinasi
	Sebutharga dikeluarkan kepada pegawai PTJ/ staf/ pelajar setelah membuat perbandingan harga Qatar Airways dengan syarikat penerbangan lain dan pemilihan harga adalah berdasarkan harga yang termurah bagi persetujuan untuk tujuan tempahan.		Pembantu / Pegawai / Eksekutif operasi	Sebutharga dari UTTSB
	Tempahan tiket dibuat selepas menerima pengesahan dari PTJ/ staf/ pelajar.		Pembantu / Pegawai / Eksekutif operasi	Borang Tempahan Penerbangan Lampiran A (Kelulusan KPT) Kelulusan Kertas Kerja Salinan muka depan passport
	Pengeluaran tiket akan dibuat segera setelah menerima semua dokumen berkaitan.		Pembantu / Pegawai / Eksekutif operasi	Borang Tempahan Penerbangan Lampiran A (Kelulusan KPT) Kelulusan Kertas Kerja Salinan muka depan passport
	TAMAT			



PROMOSI TIKET QATAR AIRWAYS القطرية



**BERTOLAK DARI
LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA
PULAU PINANG ATAU KLIA 1 KE:**

- QATAR
- EROPAH
- AMERIKA
- TIMUR TENGAH
- AFRIKA

KELAS PERTAMA & PERNIAGAAN 20%

KELAS EKONOMI DARI 10% to 15%

BAYARAN:

- TUNAI
- KAD KREDIT ATAU DEBIT
- BORANG PESANAN
PENERBANGAN UUM (PTJ)

TEMPAHAN TERBUKA UNTUK:

- STAF
- PELAJAR

KELUARGA (DEWASA SAHAJA)

* Kanak-kanak di bawah 12 tahun tidak layak memohon

TEMPAHAN HANYA MELALUI:



UNIUTAMA TRAVEL & TOURS SDN BHD

LOT VM 36, VARSITY MALL, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA,
06010 SINTOK, KEDAH DARUL AMAN.



04-928 2666 / 04-923 2233 / 018-470 8393 (ANIZA)



uttsb@uum.edu.my / uttsb.tkt2019@gmail.com



TRAVEL DEALS

QATAR

AIRWAYS القطرية



DEPARTURE
PENANG INTERNATIONAL AIRPORT OR
KLIA 1

DESTINATION:

- QATAR
- EUROPE
- AMERICA
- MIDDLE EAST
- AFRICA

FIRST & BUSINESS CLASS 20%

ECONOMY CLASS FROM 10% to 15%

METHODS OF PAYMENT

- CASH
- CREDIT OR DEBIT CARD
- UUM ORDER FORM (PTJ)

PROMOTION ENTITLED FOR :

- STAFF •
- STUDENT •
- FAMILY (ADULT ONLY) •

* Child under 12 years old are not eligible to apply

FOR RESERVATION, PLEASE CONTACT :



UNIUTAMA TRAVEL & TOURS SDN BHD
LOT VM 36, VARSITY MALL, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA,
06010 SINTOK, KEDAH DARUL AMAN.



04-928 2666 / 04-923 2233 / 018-470 8393 (ANIZA)



uttsb@uum.edu.my / uttsb.tkt2019@gmail.com